

PENUTUP

A. Kesimpulan.

Berdasarkan kepada penyelidikan dan kajian yang telah dijalankan mengenai beberapa aspek pemikiran *al-Qādī ‘Abd al-Jabbār* dalam *‘ilm al-Kalām*, beberapa kesimpulan berjaya dirumuskan.

Penyelidikan ini telah menjelaskan tentang ketokohan ‘Abd al-Jabbār sebagai salah seorang *ulamā’* Islam yang ulung pada abad keempat hijrah. Ketekunan dan kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu pengetahuan, serta kemampuannya dalam menguasai pelajaran yang diikuti, telah menyebabkan beliau diiktiraf sebagai *Imām* golongan Mu’tazilah pada zamannya. Kepakaran beliau dalam bidang keilmuan Islam membuatkan beliau sentiasa menjadi tumpuan para sarjana dari pelbagai bidang ilmu pengetahuan sehingga kakan ajaran-ajaran beliau tersebar ke seluruh pelusuk wilayah pada zaman tersebut.

Meneliti tentang keilmuan ‘Abd al-Jabbār, beliau ternyata bukan sekadar menguasai bidang pemikiran *‘ilm al-Kalām* semata-mata, namun keilmuan beliau turut sama mencakupi bidang-bidang yang lain. Umpamanya ilmu-ilmu tafsir, *ḥadīth*, *fiqh*, kesusastraan dan sains kimia. Penguasaan beliau dalam bidang-bidang tersebut bukan sekadar kemampuan biasa, sebaliknya mencapai martabat yang sukar ditandingi. Kepakaran beliau dalam *‘ilm fiqh* dan *‘Usūl al-Fiqh* umpamanya diiktiraf sebagai yang terbaik selepas al-Syafi ‘i.

Penguasaan ‘Abd al-Jabbār dalam pelbagai aspek keilmuan Islam dapat dilihat dengan jelas melalui sumbangan hasil karya beliau dalam bidang akademik. Kitab *al-Mughnī fī ’Abwāb al-Tawhīd Wa al-’Adl* umpamanya dianggap sebagai ensiklopedia *īlm al-Kalām* terbesar yang pernah dihasilkan. Kitab *al-Umd* pula diiktiraf sebagai salah satu dari empat karya terbaik yang pernah dihasilkan dalam *īlm uṣūl al-Fiqh*. Sehubungan dengan itu Hākim al-Jusyāmī menyatakan, karya ‘Abd al-Jabbār keseluruhannya berjumlah 400 ribu helaian mencakupi pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Kehebatan ‘Abd al-Jabbār dalam menguasai keilmuan Islam telah membolehkan beliau dilantik menjadi *Qādi al-Qudāt* kerajaan Bani Buwayh di Raiy.

Biarpun menjawat jawatan yang tinggi dalam kerajaan, namun ‘Abd al-Jabbār tetap mengamalkan cara hidup sederhana dan zuhud. Pengasingan beliau dari sebarang bentuk majlis keraian yang melalaikan yang dikhususkan untuk pembesar negara pada zaman tersebut, membuktikan beliau merupakan seorang *ulamā’* yang memberikan komitmen yang teguh dalam mempraktikkan ajaran Islam yang suci. Keterampilan beliau ini sememangnya bersesuaian dengan kenyataan para sejarawan yang mengganggap ‘Abd al-Jabbār sebagai *Imām* golongan Mu’tazilah pada zamannya.

Menyentuh pemikiran beliau berkenaan masalah *al-Tawhīd*, ‘Abd al-Jabbār ternyata mengutamakan metode rasionalisme bagi menyelesaikan

persoalan asas dalam ‘ilm al-Kalām ini. Akal menurut beliau merupakan sumber ilmu yang pertama, terutama dalam menetapkan kewujudan Allāh (s.w.t.) Penyerahan total kepada nas al-Qur’ān tidak akan bermakna tanpa didahului dengan pengakuan akal terhadap kebenaran al-Qur’ān itu sendiri, sebagai suatu kitab yang diturunkan oleh Allāh (s.w.t.) yang Adil dan Bijaksana.

Berkenaan masalah hubungan di antara *dhat* dan sifat Allāh (s.w.t.) pula, beliau berpendapat bahawa penetapan kewujudan sifat-sifat Allāh (s.w.t.) sebagai hakikat yang berasingan dari *dhat*-Nya, merupakan satu bentuk pensyirikan terhadap Allāh (s.w.t.). Rasional beliau dalam hal ini dikaitkan dengan status sifat itu sendiri. Menurut beliau sekiranya sifat tersebut baru (*hādīth*) bermakna Allāh (s.w.t.) adalah satu gabungan antara *dhat* yang kekal (*qadīm*) dan sifat yang baru (*hādīth*). Demikian pula sekiranya sifat adalah *qadīm* maka ianya mengimplikasikan wujudnya dua perkara *qadīm* iaitu *dhat* dan sifat. Kedua-dua klasifikasi tersebut menurut beliau mencemarkan malah menafikan kesucian konsep *al-Tawhīd* bagi Allāh (s.w.t.).

Oleh yang demikian kewujudan sifat-sifat Allāh (s.w.t.) menurut beliau bukanlah sebagai suatu hakikat yang berasingan dari *dhat* Allāh (s.w.t.), sebaliknya ianya hanyalah hal-hal (*Aḥwāl*) tertentu yang diklasifikasi melalui ketetapan akal (*I’tibārāt al-’Aqlīyyah*). Sehubungan dengan itu, ‘Abd al-Jabbār menetapkan bahawa kesempurnaan Allāh (s.w.t.) bukanlah melalui sifat sebaliknya melalui *dhat*-Nya. Dengan itu beliau berpendapat Allāh (s.w.t.) Berkuasa (*Qādir*), Mengetahui (*’Alīm*) dan Hidup (*Hayy*) dengan *dhat*-Nya dan bukan dengan sifat-sifat *Qudrah*, *’Ilm* dan *Hayāt*.

Mengenai konsep *ru'yah* Allāh pula, ‘Abd al-Jabbār menegaskan bahawa Allāh (s.w.t.) tidak dapat dilihat oleh manusia samada di dunia maupun di akhirat. Ini kerana menurut beliau hanya perkara yang mempunyai tempat, bentuk dan anggota sahaja yang dapat dilihat, sedangkan Allāh (s.w.t.) suci daripada segala ciri-ciri tersebut. Namun demikian beliau mengakui hakikat Allāh (s.w.t.) dapat dicapai oleh golongan *mu'min* melalui hati nurani yang suci. Untuk mencapai hakikat tersebut beliau meletakkan syarat-syarat utama berlandaskan dalil al-Qur’ān dan rasional akal, di mana akhirnya beliau, untuk mengelakkan sebarang bentuk *tasybih*, *tajsim* dan *tamthīl* terhadap Allāh (s.w.t.) telah menafikan konsep *ru'yah* Allāh.

Berkenaan masalah sifat *al-Khabariyyah* pula, beliau berpendapat setiap ciri-ciri *jisim* dan *'arad* hendaklah dinafikan dari Allāh (s.w.t.). Oleh yang demikian setiap *nas* al-Qur’ān atau *ḥadīth* yang pada zahirnya menyamakan (*tasybih*) Allāh (s.w.t.) dengan makhluk seperti mempunyai tangan, muka, betis dan seumpamanya, hendaklah di takwilkan dari pengertian zahir tersebut. Dalam hal ini beliau melihat rasional akal yang disokong oleh kaedah tatabahasa Arab yang betul merupakan faktor dominan dalam proses mentakwilkan ayat-ayat tersebut. Berdasarkan kefahaman ini ‘Abd al-Jabbār menafikan kewujudan sifat *al-Khabariyyah* bagi Allāh (s.w.t.) sebagai pengertian zahir, sebaliknya mentakwilkan sifat-sifat tersebut kepada pengertian yang bertepatan dengan konsep *al-Tawhīd*.

Menyentuh permasalahan keadilan Allāh (*al-'Adl al-'Ilāhi*), 'Abd al-Jabbār berpendapat, Allāh (s.w.t.) melakukan perbuatan-perbuatan-Nya bersesuaian dengan neraca keadilan dan tidak sekali-kali melakukan kezaliman. Ini bermakna Allāh (s.w.t.) hanya melakukan perkara-perkara kebaikan (*hasan*) dan tidak sekali-kali melakukan perkara-perkara yang buruk (*qabīh*) terhadap hamba-hamba-Nya. Allāh (s.w.t.) juga menurut beliau tidak cuai terhadap perkara-perkara yang wajib ke atas-Nya.

Berkaitan persoalan kebaikan dan keburukan, 'Abd al-Jabbār menerangkan kedua-dua fenomena tersebut dapat dinilai melalui akal. Bagi 'Abd al-Jabbār keutamaan tersebut disebabkan akal mempunyai kedudukan yang istimewa di dalam Islam, terutama dalam menilai kebenaran wahyu itu sendiri. Walau bagaimanapun menurut beliau wahyu tetap merupakan suatu faktor dominan dalam memimpin manusia untuk mencapai kebenaran dan kebahagian di dunia dan akhirat.

Mengulas berkenaan perbuatan manusia ('Af 'al al-'Ibād), 'Abd al-Jabbār berpendapat, manusia adalah bebas untuk melakukan perbuatannya tanpa paksaan. Perlaksanaan perbuatan mereka, menurut beliau adalah bergantung kepada maksud dan keinginan mereka sendiri. Oleh itu beliau berpendapat manusia adalah pelaku sebenar bagi setiap perbuatannya dan bukan Allāh (s.w.t.). Bagaimanapun beliau mengakui bahawa kuasa (*qudrat*) yang digunakan oleh manusia untuk melakukan perbuatannya adalah pemberian dari Allāh (s.w.t.). Beliau dalam hal ini menolak teori *al-Kasb* yang dipopularkan oleh al-Asy 'ari. Ini kerana beliau berpandangan teori tersebut menafikan konsep keadilan Allāh.

Berkenaan masalah *irādah* Allāh pula, ‘Abd al-Jabbār menyatakan Allāh (s.w.t.) berkehendak dengan ‘*irādah* yang baharu (*al-Muḥdathah*). Dalam hal ini beliau menolak pandangan golongan al-Najjāriyyah yang menyatakan Allāh (s.w.t.) berkehendak dengan *dhāt*-Nya. Ini kerana jika demikian sepetimana dakwaan al-Najjāriyyah, bermakna setiap apa yang berlaku di dunia ini samada kebaikan ataupun keburukan adalah dikehendaki oleh Allāh (s.w.t.). Situasi ini menurut beliau mengimplikasikan Allāh (s.w.t.) juga berkehendak supaya perkara keburukan seperti kufur, zina, pembunuhan dan seumpamanya terjadi. Jika demikian, menurut beliau sudah tentu tidak ada perbezaan antara golongan mu’min dengan *kuffār*, kerana kedua-duanya melaksanakan perintah Allāh (s.w.t.). Oleh itu beliau menegaskan *irādah* Allāh hanya tertumpu kepada perkara kebaikan dan tidak kepada perkara-perkara buruk.

Menyentuh berkenaan persoalan status al-Qur’ān ataupun *kalām* Allāh pula, ‘Abd al-Jabbār berpendapat ianya merupakan firman Allāh (s.w.t.) dan wahyu-Nya yang diturunkan untuk Nabi Muhammad (s.a.w.) sebagai bukti kenabiannya. Al-Qur’ān menurut beliau adalah ciptaan (*makhlūq*) Allāh (s.w.t.) dan bersifat baharu (*hādīth*). Oleh yang demikian beliau menolak sebarang percubaan untuk menyatakan bahawa al-Qur’ān adalah *qadīm* dan tidak diciptakan (*ghayr makhlūq*). Perkara ini ditegaskan bertujuan untuk mengelakkan daripada munculnya sekutu bagi Allāh (s.w.t.) pada sifat-Nya yang paling khusus iaitu *qadīm*.

Beralih kepada konsep *Qadā'* dan *Qadar*, 'Abd al-Jabbār menjelaskan bahawa, pemahaman yang dianuti oleh majoriti umat Islam yang menyatakan setiap perkara yang berlaku di dunia ini adalah mengikut *Qadā'* dan *Qadar* Allāh dengan maksud, suatu yang telah ditetapkan oleh Allāh (s.w.t.) sejak azali dan tidak akan berubah, adalah satu pemahaman yang bertentangan dengan *nas syara'* dan rasional akal. Fenomena ini terjadi menurut beliau adalah disebabkan oleh suasana politik yang diolah demi kepentingan para pemerintah. Akidah ini menurut beliau tidak muncul di kalangan para sahabat yang hampir dengan Rasulullah (s.'a.w.), sebaliknya ia hanya bermula selepas era pemerintahan *Khulafa' al-Rāsyidin* (r.'a.).

Mengulas berkenaan konsep *al-Taklīf* pula, 'Abd al-Jabbār menerangkan bahawa *taklīf* yang diwajibkan oleh Allāh (s.w.t.) ke atas makhluk-Nya mempunyai hikmah dan tujuan tertentu untuk kebaikan hamba-hamba-Nya. Di antara tujuan tersebut ialah untuk membolehkan setiap *mukallaf* sampai ke suatu peringkat tertentu yang tidak boleh dicapai, melainkan melalui *taklīf*. Dengan *taklīf* juga manusia mencapai kedudukan yang istimewa berbanding makhluk Allāh (s.w.t.) yang lain. Dalam hal ini juga beliau menyatakan Allāh (s.w.t.) tidak sekali-kali membebani hamba-hamba-Nya dengan sesuatu yang di luar kemampuan mereka (*taklīf mā lā yuṭāq*), bersesuaian dengan konsep keadilan-Nya.

Berhubung dengan konsep kenabian (*al-Nubuwah*), 'Abd al-Jabbār berpendapat perutusan (*bi'thah*) para nabi merupakan suatu kewajipan ke atas

Allāh (s.w.t.), untuk memberikan panduan dan pengajaran kepada manusia demi untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Dalam hal ini beliau menjelaskan, biarpun akal berkemampuan untuk menilai kebaikan dan juga keburukan, namun kemampuan tersebut hanya terbatas kepada perkara-perkara yang umum, manakala perincian mengenai perkara tersebut hanya dapat diketahui melalui wahyu yang dibawa oleh para Nabi (‘a.s.).

Beralih kepada persoalan janji baik dan ancaman buruk (*al-Wa ‘d wa al-wa ‘id*), beliau berpendapat memenuhi janji baik dan ancaman buruk merupakan suatu kewajipan bagi Allāh (s.w.t.) Ini kerana jika sebaliknya, ianya akan bertentangan dengan prinsip keadilan Allāh, malah mengimplikasikan keterlibatan Allāh (s.w.t.) dengan sifat-sifat buruk seperti dusta, zalim dan seumpamanya, padahal Allāh (s.w.t.) maha suci dari segala sifat-sifat tersebut. Janji dan ancaman ini menurut beliau adalah berkekalan dan meliputi semua manusia samada *mu ‘min* atau kafir.

Sehubungan dengan itu beliau berpendapat pelaku dosa besar (*murtakib al-Kabīrah*) yang tidak bertaubat semasa hidupnya akan diazab dineraka selama-lamanya. Beliau dalam hal ini mengklasifikasikan pelaku dosa besar sebagai satu kedudukan di antara dua kedudukan (*al-Manzilah bayn al-Manzilatayn*) iaitu di antara *mu ‘min* dan kafir. Bagaimanapun menurut beliau azab pelaku dosa besar lebih ringan berbanding azab yang diterima orang-orang kafir.

Dalam membicarakan mengenai konsep *al-Imān*, ‘Abd al-Jabbār berpandangan *Imān* ialah *tasdiq* dengan hati, *iqrār* dengan lidah dan beramal dengan anggota. *Imān* menurut beliau bertambah dan berkurang (*yazīd wa yanqus*) mengikut amalan dan keikhlasan setiap *mukallaf*. Oleh itu sesiapa yang melakukan amalan kebaikan akan bertambah keimanannya dan yang melakukan kejahanatan akan terjadi sebaliknya. Beliau dalam hal ini menolak setiap pendapat yang menafikan kedudukan amalan sebagai satu bahagian dari *Imān*.

Menyentuh masalah *al-Iḥbāt wa al-Takfir*, ‘Abd al-Jabbār menyatakan pahala amalan kebaikan setiap *mukallaf* akan terhapus, sekiranya dosa kejahanatan yang dilakukannya adalah lebih besar atau banyak berbanding pahala tersebut. Sementara itu dosa yang sedikit pula akan terhapus disebabkan pahala yang banyak. Konsep ini menurut beliau bukan hanya diparaktikkan terhadap golongan *kuffār*, malah ia juga meliputi golongan *mu'min*. Untuk mengelakkan timbulnya implikasi kezaliman terhadap Allāh (s.w.t.), beliau mengemukakan prinsip *al-Muwāzanaḥ* sebagai satu neraca yang sah.

Mengulas berkenaan konsep *al-Tawbah* pula, ‘Abd al-Jabbār berpendapat, konsep ini merupakan satu elemen penting dalam menentukan kejayaan setiap *mukallaf* di dunia dan akhirat. Ini kerana, menurut beliau hanya dengan bertaubat sahaja seorang pelaku dosa besar dapat mengembalikan status *mu'min*nya yang hilang disebabkan perbuatan dosa besar yang telah dilakukannya, seterusnya dapat menyelamatkan *mukallaf* tersebut dari azab neraka di akhirat kelak. Menurut beliau lagi, untuk memastikan taubat diterima, maka hendaklah dipenuhi syarat-syarat tertentu yang telah diputuskan.

Konsep *al-Syafā'ah* pula menurut 'Abd al-Jabbār tidak dapat menyelamatkan pelaku dosa besar dari seksaan berkekalan di neraka. Perkara ini kerana beliau berpendapat, *syafā'ah* hanya dikhususkan untuk golongan mu'min ataupun pelaku dosa besar yang telah bertaubat semasa hayatnya, bertujuan untuk meningkatkan martabat mereka di sisi Allah (s.w.t.). *Syafā'ah*, menurut beliau adalah dinafikan sama sekali daripada golongan pelaku dosa besar yang tidak bertaubat sebelum kematiannya.

Mengulas berkenaan konsep menyuruh perkara kebaikan dan mencegah perkara munkar (*al-'Amr bi al-Ma 'rūf wa al-Nahi 'An al-Munkar*), 'Abd al-Jabbār berpandangan konsep ini merupakan suatu kewajipan ke atas setiap umat Islam. Perlaksanaan konsep tersebut hendaklah dilakukan secara bijaksana dan berperingkat-peringkat bermula dari hati hingga kepada penggunaan senjata dan perang. Beberapa syarat tertentu telah ditetapkan bagi memastikan keberkesanan dalam usaha untuk melaksanakan konsep menyuruh kebaikan dan mencegah kemunkaran.

B. Saranan.

Setelah melaksanakan kajian yang dijalankan penulis berjaya menemukan beberapa saranan yang difikir perlu dikongsi bersama, seterusnya dilaksanakan apa yang terbaik daripadanya.

Pertama: Kajian berterusan berkenaan tokoh-tokoh pemikir Islam silam, terutama mereka yang tidak begitu didedahkan dalam dunia pemikiran semasa, hendaklah dilakukan oleh para ilmuan masa kini. Kajian tersebut adalah dengan tujuan agar kepakaran dan metodologi pemikiran mereka dikenalpasti, seterusnya dapat membantu para pemikir semasa dalam usaha membentuk pola berfikir yang mantap, global dan bersifat *futuristic*. Kepakaran ini sudah tentu akan membantu mereka dalam menghadapi serangan arus pemikiran yang begitu bergolara, terutama dari golongan musuh Islam yang sentiasa cuba untuk melemahkan umat Islam.

Kedua: Para pemikir semasa juga hendaklah mempersiapkan diri dengan warisan keilmuan Islam yang mantap berdasarkan kepada al-Qur'an dan *hadith* serta di dokong oleh akal yang rasional. Pemahaman yang menyatakan akal tidak dapat mengenalpasti semua ajaran agama adalah diakui kebenarannya, namun pendapat yang menyatakan bahawa akal adalah bertentangan dengan agama ternyata tidak benar sama sekali, kerana ianya adalah bertentangan dengan nas-nas *syara'* yang begitu menggalakkan penggunaan akal fikiran.

Ketiga: Metodologi yang objektif dan seimbang hendaklah diutamakan oleh para pengkaji terutama semasa mengkaji berkenaan suatu pemikiran atau tokoh pemikir yang tidak sealiran dengannya. Ianya bertujuan agar penilaian yang jujur dan berkesan dapat dilakukan, seterusnya membuatkan kombinasi pemikiran yang mantap dan tepat.

Keempat: Dalam usaha untuk menghuraikan perincian asas pemikiran Islam, terutama yang berkaitan dengan ayat-ayat *mutasyabihat* interpretasi yang relatif sewajarnya dipraktikkan selagi ianya tidak melanggar batas-batas kesucian agama. Realiti ini adalah berdasarkan kepada firman Allah (s.w.t.) dalam surah Al Imran (3) ayat 7 وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ . bermaksud, “ Tidak diketahui takwilnya (ayat *mutasyabihat*) selain Allah (s.w.t.). ”

Kelima: Supaya karya utama *al-Qadi* ‘Abd al-Jabbar iaitu *Syarh al-Usul al-Khamsah* dijadikan antara bahan rujukan utama dalam senarai bibliografi Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Universiti Malaya, khususnya untuk tujuan kajian perbandingan antara mazhab pemikiran Islam.

Demikianlah beberapa pandangan dan saranan yang berjaya dikupas sepanjang kajian ini dilakukan. Semoga kajian sederhana ini dapat memberikan sumbangan yang positif dalam usaha ke arah kebangkitan keunggulan pemikiran dan ketamadunan Islam sejagat. Insya Allah.